



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**3 Julai 2015 / 16 Ramadan 1436**

**Membangun Keihsanan Bersama Keluarga**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di hari Jumaat yang penuh berkah ini, marilah kita kukuhkan lagi ikatan kita dengan Allah s.w.t. dengan menguatkan azam kita untuk terus bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar takwa.

Saudaraku,

Membina kerohanian merupakan antara perkara yang terpenting dalam kehidupan seorang mukmin. Disebalik menguatkan keimanan, kerohanian seseorang mampu dibina melalui penghayatan aspek ihsan dalam kehidupannya. Namun

perlu kita hayati sekarang ini, apakah erti konsep ihsan?

Ihsan dari segi bahasa bererti untuk berbuat baik. Ia boleh didefinisikan sebagai konsep yang mendorong seseorang melaksanakan kerja yang sebaik mungkin. Konsep ihsan memiliki dua matlamat utama. **Pertama**, ihsan dalam ibadat dan **kedua**, ihsan dalam muamalat. Ihsan dalam ibadah digambarkan oleh Nabi s.a.w. ketika beliau ditanya malaikat Jibril a.s. berkaitan ihsan, beliau menjawab:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Yang bermaksud: *“(Ihsan itu adalah) apabila kamu menyembah Allah seakan-akan kamu mampu untuk melihatNya dan sekiranya kamu tidak mampu (untuk menggambarkan) melihat kepadaNya, (maka ketahuilah) yang Dia melihat kepada kamu”*.  
[Hadith riwayat Imam Muslim]

Ihsan pada aspek beribadah kepada Allah, bererti seseorang mukmin melaksanakan ibadah tersebut dengan penuh khusyuk dan tawaduk di samping ikhlas seolah-olah ketika itu sedang berhadapan dengan Allah. Jika perasaan itu ada, sudah tentu insan itu gerun untuk melanggar larangan Allah.

Saudaraku,

Tambahan dari memelihara hubungan baik dengan Allah dalam urusan ibadah, konsep ihsan juga turut merangkumi setiap perlakuan sesama manusia, samada yang bersangkutan

dengan urusan duniawi mahupun ukhrawi. Setiap Muslim dituntut untuk berlaku ihsan bukan sahaja dalam solat, puasa, zakat dan sebagainya, bahkan dalam urusan dan hubungan kehidupannya, seperti keluarganya, urusan kemasyarakatan, ataupun kebudayaan dan sebagainya. Allah s.w.t. sentiasa menuntut setiap individu mukmin untuk berlaku ihsan melalui firmanNya yang berbunyi:

وَأَبْتِغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ  
مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي  
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Yang bermaksud: *“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”*. [Surah Al-Qasas: 77]

Saudaraku,

Saya rasa sejajar dengan semangat menyambut bulan Ramadan, kita seharusnya menjadikan bulan ini sebagai bulan untuk kita bina dan memupuk sifat keihsanan dalam jiwa kita. Samada ihsan tatkala menunaikan amal ibadah kepada Allah s.w.t., juga sikap berlaku ihsan sesama insan dan masyarakat.

Ambillah peluang hari-hari yang terbaki dalam Ramadan ini untuk memupuk dalam jiwa anak-anak kita rasa cinta kepada ibadah, rasa cinta kepada solat. Jelaskan kepentingan hubungan seseorang hamba dengan Tuhan Pencipta, kerana melalui penghayatan hubungan tersebut ia mampu membina kerohanian dan sifat keihsanan dalam diri seseorang. Lebih-lebih lagi dengan ketibaan sepuluh malam terakhir ini. Jangan kita lepaskan peluang keemasan ini untuk mendorong ahli keluarga bersama-sama mencari malam Lailatul Qadar dengan mempertingkatkan amal ibadah pada sepuluh malam yang terakhir. Malam dikurniakan rahmat dan pengampunan keatas setiap hamba yang berjaya menjumpainya.

Saudaraku,

Mungkin juga anak-anak kita masih lagi kecil, serta belum lagi kuat untuk melaksanakan ibadah berpuasa; walaupun sedemikian, kita tetap boleh mendidik mereka akan erti nilai-nilai keihsanan di dalam Islam. Nilai mulia seperti berkata benar, ikhlas, berbuat baik dan sebagainya. Kesemua ini merupakan antara nilai-nilai murni yang perlu ditanam dalam diri anak-anak kita, melalui amalan mereka seharian. Amalan seperti membantu ibu membuat kerja rumah, membasuh pinggan setelah berbuka. Bahkan anak tersebut akan mempelajari dari ayahnya sifat ihsan sekiranya mereka menyaksikan diri kita sendiri membantu sesama insan, walaupun semudah membantu menggulung tikar setelah terawih dan sebagainya.

Saudaraku sekalian,

Disamping kita berusaha untuk menambahkan keihisanan dalam ibadah kita, pastikan juga kita menjadikan Ramadan ini sebagai peluang untuk mensucikan harta kita dengan mengeluarkan zakat, demi untuk menabur keihisanan kepada golongan yang susah dan memerlukan.

Ingatlah, sesungguhnya harta yang kita miliki ini kurniaan Allah s.w.t., dan Allah telah menetapkan bahawa apabila sesuatu harta itu cukup mencapai haul dengan nisabnya, maka wajib dikeluarkan zakatnya. Ketahuilah, bahawa antara sebab kita mendapat keberkatan dalam rezeki dan harta ialah dengan menunaikan zakat harta.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita peluang pada Ramadan kali ini untuk mensucikan diri kita dan juga harta kita, sehingga membawa ketenangan dan kesejahteraan ke dalam kehidupan kita di dunia dan akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.